

# KEFAHAMAN AJARAN AGAMA BERKAITAN PEKERJAAN DAN PEMILIKAN HARTA DALAM KALANGAN FAKIR MISKIN DI SUNGAI PETANI, KEDAH

## *AN ANALYSIS OF RELIGIOUS UNDERSTANDING REGARDING EMPLOYMENT AND PROPERTY OWNERSHIP AMONG THE POOR IN SUNGAI PETANI, KEDAH*

Nur Awanis Mohamad Mahayudin<sup>1</sup>  
Mohamad Shaharudin Samsurijan<sup>2</sup>

<sup>1</sup> School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia  
(E-mail: [awanismahayudin@student.usm.my](mailto:awanismahayudin@student.usm.my))

<sup>2</sup> School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia  
(E-mail: [msdin@usm.my](mailto:msdin@usm.my))

### Article history

Received date : 17-5-2025

Revised date : 18-5-2025

Accepted date : 1-6-2025

Published date : 15-7-2025

### To cite this document:

Mohamad Mahayudin, N. A., & Samsurijan, M. S.  
(2025). Kefahaman ajaran agama berkaitan pekerjaan  
dan pemilikan harta dalam kalangan fakir miskin di  
Sungai Petani, Kedah. *Journal of Islamic, Social,  
Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 893 -  
904.

**Abstrak:** Kajian ini meneliti hubungan antara kefahaman ajaran Islam dengan isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat Islam di Sungai Petani, Kedah. Meskipun Islam menggalakkan umatnya untuk berusaha serta membantu sesama insan melalui kaedah seperti zakat, masih ramai masyarakat Islam yang hidup dalam kemiskinan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dengan lima orang responden fakir miskin di Sungai Petani, Kedah. Dapatan menunjukkan kefahaman terhadap ajaran Islam berkaitan kerja dan pemilikan harta dalam kalangan responden masih rendah dan kebanyakan daripada mereka lebih cenderung untuk reda dan bergantung kepada bantuan berbanding berusaha keluar daripada kepompong kemiskinan. Kajian ini mencadangkan agar ilmu pendidikan agama ditambah baik dengan penekanan kepada aspek ekonomi Islam dan tanggungjawab terhadap diri dan masyarakat.

**Kata Kunci:** kemiskinan, Islam, kefahaman agama, pekerjaan, pemilikan harta

**Abstract:** This study explores the relationship between Islamic teachings and poverty among Muslims in Sungai Petani, Kedah. Despite Islam's emphasis on wealth creation and charitable responsibility, many Muslims remain trapped in poverty. Using a qualitative ethnographic method, five poor Muslim respondents were interviewed. Findings reveal that limited understanding of religious teachings on work and wealth ownership contributes to a passive acceptance of poverty. Most respondents perceived poverty as destiny rather than a condition to overcome through effort. The study suggests that enhancing religious literacy, particularly regarding economic self-reliance, can empower poor Muslims to strive out of poverty and promote a more productive society aligned with Islamic values.

**Keywords:** *poverty, Islam, employment, property ownership, religious understanding*

## Pengenalan

Kemiskinan merupakan isu global yang masih membelenggu banyak negara membangun termasuk Malaysia (Yahya et al., 2019). Meskipun pelbagai dasar pembangunan dan program bantuan telah diperkenalkan oleh kerajaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kelompok miskin tetap wujud dan terus mengalami kesenjangan sosioekonomi terutamanya dalam kalangan masyarakat luar bandar (Lestari, 2022). Di Malaysia, situasi ini lebih membimbangkan apabila majoriti kelompok miskin terdiri daripada masyarakat Islam walaupun Islam sendiri merupakan agama Persekutuan (Wahab, 2022). Islam menggariskan prinsip yang menyeluruh dalam aspek ekonomi seperti kewajipan bekerja, galakan mencari rezeki halal, pemilikan harta serta kewajipan zakat sebagai instrumen agihan semula kekayaan (Lestari, 2022).

Firman Allah dan hadis Nabi Muhammad SAW sering kali menekankan kepentingan usaha dan produktiviti. Hadis Nabi SAW menyatakan bahawa “tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah”, menunjukkan bahawa Islam menggalakkan umatnya agar menjadi pemberi bukan penerima semata-mata. Namun begitu, terdapat kelompok masyarakat Islam yang masih memahami kemiskinan sebagai satu bentuk ketentuan mutlak tanpa usaha untuk berubah (Andina & Wahyudi, 2024). Menurut Max Weber dalam bukunya *The Protestant Ethic and The Spirit of Capitalism*, agama berperanan penting dalam membentuk etika kerja dan dorongan untuk mencapai kejayaan material (Barker & Carman, 2000). Pandangan ini bersesuaian dengan ajaran Islam yang menyeru umatnya agar berusaha seolah-olah akan hidup selama-lamanya dan beribadah seolah-olah akan mati esok hari. Dalam konteks Malaysia, terutama di kawasan seperti Sungai Petani, Kedah yang masih mencatatkan kadar kemiskinan relatif tinggi, isu ini perlu diberi perhatian melalui pendekatan agama yang lebih bersifat pembangunan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana kefahaman masyarakat fakir miskin terhadap ajaran Islam berkaitan pekerjaan dan pemilikan harta serta bagaimana kefahaman tersebut memberi kesan kepada sikap dan tindakan mereka dalam usaha keluar daripada kemiskinan melalui objektif berikut:

1. Mengenal pasti punca utama kemiskinan dalam kalangan mereka
2. Menilai kefahaman ajaran Islam berkaitan pekerjaan dan pemilikan harta dalam kalangan fakir miskin
3. Meneroka potensi peranan ajaran agama dalam membantu golongan miskin keluar dari kemiskinan

Dengan menjawab objektif-objektif ini, kajian ini bertujuan untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana ajaran agama Islam mempengaruhi sikap, pemikiran dan tindak balas masyarakat miskin terhadap isu pekerjaan dan pemilikan harta. Kajian ini turut meneroka bagaimana pemahaman yang cetek atau tidak tepat terhadap konsep-konsep agama seperti *redha*, usaha dan zakat boleh menyumbang kepada pengurangan kitaran kemiskinan dalam kalangan masyarakat Islam luar bandar. Dapatan kajian ini akan menyumbang kepada wacana ilmiah berkenaan hubungan antara agama dan pembangunan sosioekonomi khususnya dalam konteks komuniti miskin Muslim di Malaysia. Kajian ini juga dijangka memberikan cadangan praktikal kepada pihak kerajaan, institusi pendidikan agama dan agensi bantuan agar pendekatan terhadap golongan miskin dapat diselaraskan dengan prinsip Islam yang menekankan keseimbangan antara spiritual dan material. Dalam usaha negara membina masyarakat Islam yang maju dan sejahtera, kefahaman agama yang mendalam dan bersifat

progresif adalah kunci ke arah pembangunan yang inklusif dan berdaya tahan. Terdapat kecenderungan dalam kalangan masyarakat Islam miskin untuk memahami kemiskinan sebagai ketentuan mutlak sekali gus melemahkan motivasi untuk berusaha keluar daripada belenggu kemiskinan. Kefahaman ini bertentangan dengan prinsip asas Islam yang menyeru kepada ikhtiar, kerja keras dan pemilikan harta secara bertanggungjawab. Tanpa pemahaman yang holistik terhadap tuntutan agama dalam aspek ekonomi, golongan ini berisiko kekal dalam kitaran kemiskinan yang berpanjangan.

### Sorotan Karya

Terdapat lima perkara yang dibincangkan pada sorotan karya iaitu Faktor-faktor Kemiskinan dalam Masyarakat Islam, Kefahaman Agama dan Implikasinya terhadap Pekerjaan dan Pemilikan Harta, Pendekatan Islam terhadap Pembasmian Kemiskinan dan Jurang dalam Penyelidikan Semasa.

#### Faktor-faktor Kemiskinan dalam Masyarakat Islam

Dalam memahami kemiskinan sebagai satu fenomena yang kompleks, pelbagai faktor telah dikenal pasti melalui kajian lepas yang menyumbang kepada kemiskinan dalam kalangan masyarakat Islam khususnya di kawasan luar bandar. Kemiskinan tidak berlaku dalam ruang kosong sebaliknya dipengaruhi oleh gabungan faktor individu, struktur sosial dan dasar ekonomi. Selain faktor luaran seperti ketidakseimbangan peluang dan kekurangan sumber, terdapat juga faktor dalaman seperti sikap, kefahaman agama dan jalinan sokongan sosial yang lemah. Para penyelidik telah mengenal pasti bahawa kemiskinan dalam kalangan umat Islam tidak hanya berkisar kepada isu pendapatan tetapi turut melibatkan dimensi nilai, kepercayaan dan budaya yang mendasari cara mereka memahami dan menghadapi kemiskinan. Justeru, Jadual 1 berikut merumuskan faktor-faktor utama yang telah dikemukakan dalam kajian-kajian terdahulu berkaitan kemiskinan dalam kalangan masyarakat Islam

**Jadual 1: Faktor-faktor Kemiskinan dalam Masyarakat Islam**

| Faktor Kemiskinan            | Perincian                                                                              | Sumber                                                                                                                |
|------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Struktur Sosial dan Geografi | Tinggal di Kawasan pedalaman, jauh dari akses pendidikan dan pekerjaan                 | (Cantika, 2013; Fikri et al., 2025; Johannes, 2020; Lestari, 2022; Muhamad Zulfadli et al., 2025; Yahya et al., 2019) |
| Tahap Pendidikan Rendah      | Tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atau tiada kemahiran formal | (Andina & Wahyudi, 2024; Dalimunthe, 2022; Fikri et al., 2025; Lestari, 2022; Yahya et al., 2019)                     |
| Masalah Keluarga             | Penceraian, ibu tunggal, tanggungan ramai dan tekanan keluarga                         | (Andina & Wahyudi, 2024)                                                                                              |
| Sikap dan Mentaliti          | Pasrah berlebihan, tiada motivasi, bergantung kepada bantuan tanpa usaha               | (Cantika, 2013; Muhamad Zulfadli et al., 2025)                                                                        |
| Kesihatan dan Kurang Upaya   | Masalah kesihatan kronik atau kecacatan yang menghalang peluang bekerja                | (Andina & Wahyudi, 2024; Dalimunthe, 2022; Muhamad Zulfadli et al., 2025)                                             |

|                                          |                                                                                     |                                                                                                     |
|------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Ketidakseimbangan Ekonomi dan Dasar Awam | Gaji rendah, jurang kekayaan, dasar yang tidak menyeluruh untuk membasmi kemiskinan | (Cantika, 2013; Dalimunthe, 2022; Lestari, 2022; Muhamad Zulfadli et al., 2025; Yahya et al., 2019) |
| Ketiadaan Kemahiran atau Aset Produktif  | Tiada kemahiran khusus atau aset yang boleh menjana pendapatan                      | (Cantika, 2013; Fikri et al., 2025; Johannes, 2020; Yahya et al., 2019)                             |
| Tekanan Sosial dan Stigma Masyarakat     | Pandangan masyarakat yang negatif terhadap kemiskinan serta kurang sokongan sosial  | (Andina & Wahyudi, 2024; Cantika, 2013; Muhamad Zulfadli et al., 2025)                              |

Sumber: Kajian

### Kefahaman Agama dan Implikasinya terhadap Pekerjaan dan Pemilikan Harta

Dalam Islam, pekerjaan dianggap sebagai satu bentuk ibadah dan tanggungjawab sosial yang penting untuk kelangsungan hidup (Cihwanul Kirom, 18 C.E.; Zul Azimi, 2024). Konsep seperti *ikhtiar* (usaha), *tawakal* (kebergantungan kepada Allah selepas berusaha) dan *rezeki* (pemberian daripada Allah) membentuk asas pandangan hidup masyarakat Islam terhadap usaha dan harta (Sajidah, 2022). Islam tidak menggalakkan sikap pasif terhadap kemiskinan sebaliknya menuntut umatnya agar berusaha untuk mencapai kesejahteraan hidup melalui sumber yang halal (Zul Azimi, 2024). Namun, sebahagian masyarakat miskin masih mempunyai kefahaman yang sempit terhadap konsep-konsep ini. Mereka melihat kemiskinan sebagai takdir semata-mata dan kurang menyedari bahawa Islam menyeru kepada perubahan melalui usaha (Adilla, 2023; Andina & Wahyudi, 2024). Kajian oleh (B Hj Suhaimi et al., 2021) mendapati bahawa ramai dalam kalangan golongan miskin tidak melihat pemilikan harta sebagai satu bentuk tanggungjawab atau keperluan yang dituntut agama sebaliknya hanya bergantung kepada bantuan luar seperti zakat dan subsidi dari pihak kerajaan. Hakikatnya, Islam mengiktiraf pemilikan harta tetapi menegaskan bahawa ia mesti digunakan secara bertanggungjawab dan memberi manfaat kepada masyarakat (Lestari, 2022; Wahab, 2022). Oleh itu, kefahaman agama yang menyeluruh perlu dibina agar golongan miskin dapat melihat usaha ekonomi sebagai sebahagian daripada tuntutan agama, bukan semata-mata urusan duniawi.

### Pendekatan Islam terhadap Pembasmian Kemiskinan

Islam menyediakan pendekatan menyeluruh dalam menangani kemiskinan yang merangkumi aspek spiritual, sosial dan ekonomi. Melalui mekanisme seperti zakat, sedekah, infak dan wakaf, Islam bukan sahaja membasmi kemiskinan melalui pengagihan semula kekayaan tetapi turut membina sistem sokongan sosial yang lestari (B Hj Suhaimi et al., 2021; Lestari, 2022). Zakat sebagai rukun Islam yang ketiga menegaskan bahawa pemilikan harta mempunyai tanggungjawab sosial dan keengganan membayar zakat bukan sahaja merugikan masyarakat malah dianggap sebagai satu bentuk penindasan terhadap golongan yang memerlukan. Islam juga menggalakkan umatnya untuk berusaha dan tidak bergantung semata-mata kepada bantuan (Sajidah, 2022). Hadis Nabi SAW menyebut bahawa "*tangan yang memberi adalah lebih baik daripada tangan yang menerima*" menunjukkan bahawa menjadi individu produktif adalah lebih utama dalam masyarakat Islam.

Pada masa yang sama, al-Quran dengan jelas menekankan prinsip perubahan sendiri seperti dalam Surah ar-Ra'd ayat 11 yang bermaksud: "*Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada dalam diri mereka sendiri.*" Ayat

ini menjadi asas kepada pendekatan Islam terhadap pembinaan jati diri dan usaha keluar daripada kemiskinan. Dalam konteks ini, usaha untuk memperkukuh kefahaman agama berkaitan peranan individu dalam mencari rezeki dan mengurus harta secara produktif amat penting khususnya dalam kalangan golongan miskin. Tanpa kefahaman ini, bantuan kewangan seperti zakat atau subsidi kerajaan mungkin tidak mencukupi untuk mengubah nasib mereka secara jangka panjang. Maka, pendekatan pembasmian kemiskinan dalam Islam perlu menyeimbangkan bantuan material dengan pembangunan rohani dan pemikiran kritikal terhadap tanggungjawab ekonomi sebagai seorang Muslim.

### **Jurang Penyelidikan**

Kajian berkenaan kemiskinan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia lazimnya menumpukan kepada aspek ekonomi, statistik pendapatan dan pelaksanaan bantuan kebajikan seperti zakat, subsidi dan program kerajaan. Walaupun kajian-kajian ini penting dalam memahami dimensi struktur dan dasar kemiskinan, masih terdapat kekurangan dalam kajian meneliti bagaimana kefahaman terhadap ajaran agama khususnya berkaitan pekerjaan dan pemilikan harta. Ia mempengaruhi sikap, motivasi dan tindakan golongan miskin terhadap perubahan hidup. Aspek nilai dan kepercayaan agama sering diketepikan atau hanya disentuh secara umum tanpa pengetahuan mendalam terhadap pengalaman sebenar komuniti miskin yang hidup dalam realiti kemiskinan harian.

Tambahan pula, penyelidikan yang menghubungkan dimensi teologi Islam dengan realiti sosial ekonomi rakyat miskin di kawasan luar bandar seperti di negeri Kedah masih terhad. Kawasan seperti Sungai Petani yang terletak dalam zon pertumbuhan sederhana sering terpinggir daripada tumpuan penyelidikan bersifat mikro. Ini menyebabkan kurangnya data kualitatif berasaskan pengalaman hidup sebenar yang boleh memberikan gambaran lebih holistik tentang bagaimana agama difahami dan diamalkan dalam konteks kemiskinan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara mendalam kefahaman ajaran Islam berkaitan pekerjaan dan pemilikan harta dalam kalangan fakir miskin, serta bagaimana kefahaman ini memberi kesan kepada sikap mereka terhadap usaha memperbaiki taraf hidup.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk etnografi untuk memahami secara mendalam kefahaman ajaran agama berkaitan pekerjaan dan pemilikan harta dalam kalangan fakir miskin di Sungai Petani, Kedah. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia memberi ruang untuk meneroka pengalaman hidup, kepercayaan serta pandangan subjektif informan yang sukar diukur melalui kaedah kuantitatif. Reka bentuk etnografi pula membolehkan penyelidik mendekati komuniti yang dikaji dalam konteks sosial sebenar informan sekali gus memperoleh maklumat yang lebih autentik dan kaya dengan makna.

Seramai lima orang informan telah dipilih secara bertujuan berdasarkan kriteria berikut:

1. Tergolong dalam kategori fakir miskin yang berdaftar dengan institusi kebajikan tempatan
2. Menetap di kawasan Sungai Petani, Kedah
3. Beragama Islam

Kajian lapangan ini telah dijalankan sepanjang tempoh Oktober hingga Disember 2024 bagi membolehkan penyelidik memahami dinamika sebenar kehidupan golongan fakir miskin di kawasan kajian secara menyeluruh. Temu bual separa berstruktur digunakan sebagai kaedah utama pengumpulan data yang membolehkan penyelidik mengekalkan fokus kepada topik



utama kajian sambil memberi kelonggaran kepada informan untuk berkongsi pandangan mereka secara bebas. Soalan-soalan temu bual difokuskan kepada tiga tema utama iaitu pemahaman terhadap konsep kerja dan usaha dalam Islam, persepsi terhadap pemilikan harta dan kekayaan dan sikap terhadap kemiskinan dan perubahan hidup.

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik, yang melibatkan proses pengkodan, pengecaman tema berulang dan pemetaan pola pemikiran yang timbul daripada naratif informan. Penyelidik juga mencatatkan pemerhatian lapangan dan nota refleksi bagi menyokong interpretasi data. Kredibiliti data dijamin melalui perbandingan silang antara informan dan pengesahan maklumat. Oleh kerana sifat kajian ini yang bersifat eksploratif dan berdasarkan pengalaman hidup, generalisasi statistik tidak menjadi matlamat utama sebaliknya penekanan diberikan kepada kefahaman yang mendalam dan bermakna terhadap isu yang dikaji.

**Jadual 2: Senarai Informan**

| Kod Informan | Pekerjaan                  | Pendapatan (RM/hari) |
|--------------|----------------------------|----------------------|
| I1           | Nelayan                    | 20-50                |
| I2           | Suri Rumah (Ibu Tunggal)   | 0                    |
| I3           | Suri Rumah                 | 29                   |
| I4           | Pekerja Kebersihan Sekolah | 40                   |
| I5           | Pengawal Keselamatan       | 50                   |

Sumber: Kajian Lapangan

Secara keseluruhannya, metodologi ini dipilih bagi memastikan dapatan kajian dapat memberikan gambaran yang telus, menyeluruh dan berwibawa terhadap hubungan antara kefahaman ajaran agama dan kemiskinan dalam kalangan masyarakat Islam luar bandar. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah etnografi, penyelidik dapat memahami bukan sahaja apa yang difikirkan oleh informan tetapi juga mengapa mereka berfikir sedemikian serta bagaimana kepercayaan agama mereka diterjemahkan dalam kehidupan seharian. Ini penting kerana kefahaman terhadap konsep seperti kerja, usaha, rezeki dan pemilikan harta tidak boleh dinilai secara terpisah daripada konteks budaya, sosial dan ekonomi individu terbabit.

Selain itu, data yang diperoleh melalui interaksi langsung dengan informan membolehkan penyelidik menangkap nuansa dan makna tersirat yang mungkin terlepas pandang dalam kajian bersifat kuantitatif. Pendekatan ini juga sesuai dengan objektif kajian yang bertujuan untuk menilai secara mendalam persepsi dan kefahaman masyarakat terhadap ajaran Islam dalam menghadapi cabaran hidup. Justeru, reka bentuk kajian ini bukan sahaja menyokong keberkesanan analisis tematik yang dijalankan, malah memastikan bahawa sebarang cadangan yang dikemukakan kelak adalah berpaksikan kepada realiti yang sebenar dan bukannya sekadar andaian teoritikal.

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### Kefahaman Ajaran Agama Berkaitan Pekerjaan dan Pemilikan Harta

Kajian mendapati kefahaman terhadap ajaran Islam yang berkaitan dengan pekerjaan dan pemilikan harta berbeza-beza dalam kalangan fakir miskin yang ditemu bual. Dua daripada lima informan iaitu I4 dan I5 menunjukkan pemahaman yang jelas dan progresif. Mereka melihat kerja bukan hanya sebagai sumber pendapatan, tetapi juga sebagai satu bentuk ibadah dan amanah. I5 menyatakan:

*“Orang Islam kena kerja. Tak boleh duduk saja. Kalau Nabi Muhammad pun meniaga, kita lagi la kena usaha.”*

I4 turut menambah bahawa walaupun beliau hanya bekerja sebagai tukang cuci sekolah, beliau tetap melihat pekerjaan itu sebagai satu bentuk sumbangan kepada keluarga dan sebagai satu ibadah yang memberi ketenangan:

*“Kerja saya gaji tak tinggi, tapi saya ikhlas. Saya yakin Allah bagi rezeki walaupun sikit. Tapi kita kena bergerak, kena usaha.”*

Pemahaman seperti ini selari dengan prinsip Islam yang menekankan *ikhtiar* dan kerja keras sebagai sebahagian daripada keimanan. Ia juga sejajar dengan pandangan (Adilla, 2023; Cihwanul Kirom, 18 C.E.; Zul Azimi, 2024) bahawa Islam memandang pemilikan harta sebagai satu tanggungjawab, bukan semata-mata hak. Sebaliknya, tiga lagi informan iaitu I1, I2 dan I3 menunjukkan kefahaman yang sempit terhadap konsep usaha dan rezeki. Mereka lebih cenderung menyerahkan nasib kepada takdir dan menafsirkan konsep *tawakal* secara literal tanpa dimensi *ikhtiar*.

I2 menyebut:

*“Saya dah cuba cari kerja, tapi susah. Saya fikir mungkin ini ujian Allah. Kalau dah tak mampu, saya reda saja.”*

I1, seorang nelayan, mengatakan:

*“Saya rasa Tuhan dah tentukan rezeki kita. Ada hari dapat, ada hari tak dapat. Saya reda saja. Nak buat macam mana, laut pun Allah punya.”*

I3 turut mengatakan:

*“Saya selalu doa je... kalau tak dapat juga, saya fikir mungkin Allah nak saya begini. Saya tak salahkan sesiapa pun.”*

Persepsi seperti ini menunjukkan wujudnya jurang antara kefahaman agama yang holistik dengan kefahaman popular dalam kalangan masyarakat miskin. Dapatan ini selari dengan kajian yang menegaskan bahawa penghayatan agama yang bersifat ritual semata-mata, tanpa diimbangi kefahaman pembangunan diri, boleh mengukuhkan sikap pasrah terhadap kemiskinan (Sajidah, 2022). Kefahaman informan terhadap ajaran Islam berkaitan pekerjaan dan pemilikan harta menunjukkan perbezaan yang ketara. Dapatan awal menunjukkan bahawa hanya sebahagian kecil daripada informan memahami secara jelas bahawa bekerja dan memiliki harta merupakan satu tuntutan dalam Islam. Mereka mengaitkan pekerjaan bukan sekadar untuk mencari nafkah, tetapi juga sebagai satu ibadah dan tanggungjawab sosial terhadap keluarga dan masyarakat (B Hj Suhaimi et al., 2021; Cantika, 2013; Cihwanul Kirom, 18 C.E.). Mereka menyedari bahawa harta bukan semata-mata alat untuk kelangsungan hidup tetapi juga satu amanah yang perlu diurus dan diagihkan secara adil. Pemahaman ini selari dengan prinsip

maqasid syariah yang meletakkan penjagaan harta sebagai antara objektif penting dalam Islam (B Hj Suhaimi et al., 2021; Lestari, 2022).

Namun, majoriti informan yang lain menunjukkan kefahaman yang lebih sempit dan bersifat literal. Konsep *tawakal* sering ditafsir tanpa digandingkan dengan elemen *ikhtiar* manakala konsep *rezeki* dianggap sebagai sesuatu yang sudah ditentukan sepenuhnya tanpa keperluan untuk berusaha. Bagi mereka, kemiskinan adalah sebahagian daripada takdir (Adilla, 2023; Andina & Wahyudi, 2024) dan perlu diterima dengan reda. Mereka percaya bahawa bersabar dan bergantung kepada zakat serta bantuan luar adalah jalan yang betul kerana ia selari dengan sifat kehambaan dan kepatuhan kepada Allah SWT (B Hj Suhaimi et al., 2021; Lestari, 2022). Kefahaman seperti ini menunjukkan bahawa berlaku kekeliruan antara ajaran agama yang sebenar dan pemahaman budaya atau tradisi yang diwarisi. Ini sejajar dengan dapatan (Adilla, 2023; Cantika, 2013; Dalimunthe, 2022) yang menyatakan bahawa sebahagian masyarakat Islam memahami ajaran agama dari sudut spiritual dan ritual semata-mata, tanpa menerapkan nilai-nilai pembangunan diri dan ekonomi. Justeru, kefahaman agama yang tidak seimbang boleh melahirkan sikap pasrah tanpa usaha, sekali gus menyumbang kepada kitaran kemiskinan yang berterusan.

### **Faktor-faktor yang Menyumbang kepada Kemiskinan**

Kajian mendapati kemiskinan dalam kalangan informan berpunca daripada pelbagai faktor yang saling berkait merangkumi aspek pendidikan, pekerjaan, kesihatan dan sokongan sosial. Kesemua informan tidak memiliki pendidikan tinggi malah ada yang hanya tamat darjah enam. Kekurangan kelayakan ini menyempitkan peluang pekerjaan yang stabil.

I3 berkongsi:

*“Saya tak sekolah tinggi. Dulu kena jaga adik. Sekarang ni saya rasa susah nak kerja tetap.”*

I1 menyatakan:

*“Kalau laut bergelora, langsung tak keluar. Kadang seminggu duduk rumah ja. Takdak gaji harian.”*

Pekerjaan yang diceburi seperti nelayan (I1), pengawal keselamatan (I5) dan kerja sambilan tidak memberikan pendapatan tetap. Keadaan cuaca, kekangan masa bagi ibu tunggal seperti I2 dan beban tanggungan menjadikan pendapatan tidak konsisten. Bantuan zakat yang diterima pula bersifat sementara dan tidak mampu menampung keperluan jangka panjang.

Dari segi keupayaan menjana pendapatan sendiri, tiada seorang pun informan yang pernah menyertai latihan kemahiran atau program keusahawanan. Ini mencerminkan ketidaksesuaian sistem sokongan semasa dengan realiti komuniti miskin. I4 menyebut:

*“Saya selalu terfikir nak jual kuih atau jahit baju. Tapi saya tak reti. Kalau ada kelas, saya nak masuk.”*

Faktor-faktor ini memperkukuh dapatan Cantika (2013) dan Muhamad Zulfadli et al. (2025) yang menyatakan bahawa kemiskinan dalam kalangan umat Islam bukan hanya berpunca daripada ekonomi tetapi juga daripada kelemahan struktur sosial dan sikap terhadap peluang. Faktor kemiskinan dalam kalangan informan adalah bersifat kompleks dan saling berkait antara faktor dalaman dan luaran (Lestari, 2022). Dapatan menunjukkan bahawa aspek pendidikan rendah, tiada kemahiran, beban tanggungan keluarga serta keadaan kesihatan yang lemah menjadi antara penyumbang utama. Tiada seorang pun daripada informan yang mempunyai



kelulusan lebih tinggi daripada SPM malah ada yang tidak tamat sekolah rendah. Ini telah menyempitkan peluang pekerjaan dalam sektor formal dan menyebabkan mereka hanya mampu bekerja dalam sektor tidak rasmi seperti nelayan, kerja kebersihan atau tiada kerja langsung. Di samping itu, ketiadaan pekerjaan tetap dan pendapatan harian yang tidak stabil menjadikan mereka sukar merancang masa depan apatah lagi menyimpan atau melabur. Dalam kes ibu tunggal, beban menjaga anak dan kekangan masa menghalang mereka daripada keluar bekerja. Ini menunjukkan wujudnya jurang maklumat dan kurangnya sokongan bersasar kepada golongan miskin luar bandar.

Dalam perbincangan, bantuan seperti zakat, sumbangan bulanan dan makanan menjadi penyambung nyawa namun tidak membawa perubahan jangka panjang. Ini sejajar dengan dapatan (Cantika, 2013) yang menyatakan bahawa bantuan bersifat kebajikan semata-mata tidak mencukupi untuk memutuskan rantai kemiskinan jika tidak disertai dengan pemerkasaan ekonomi dan bimbingan sendiri. Kemiskinan dalam kalangan informan bukan sekadar masalah kekurangan sumber tetapi juga kekurangan akses, maklumat, peluang dan rangkaian sosial (Cantika, 2013; Fikri et al., 2025; Johannes, 2020; Lestari, 2022; Muhamad Zulfadli et al., 2025; Yahya et al., 2019). Faktor-faktor ini memperlihatkan betapa pentingnya pendekatan holistik dalam menangani kemiskinan (Andina & Wahyudi, 2024). Bantuan jangka pendek perlu digabungkan dengan pendidikan, ilmu agama dan sokongan kemahiran agar golongan miskin dapat membina laluan keluar daripada keadaan mereka (B Hj Suhaimi et al., 2021). Kajian ini menunjukkan bahawa kemiskinan bukan hanya masalah luaran tetapi juga berkait rapat dengan struktur sosial, sikap dan pemahaman nilai hidup yang berakar dari pengalaman dan kepercayaan (Cantika, 2013; Muhamad Zulfadli et al., 2025).

### **Sikap terhadap Perubahan Berdasarkan Kefahaman Agama**

Sikap informan terhadap usaha dan perubahan hidup juga berkait rapat dengan kefahaman agama mereka. Dua orang informan iaitu I4 dan I5 menunjukkan sikap terbuka terhadap perubahan dan berusaha memperbaiki taraf hidup. Mereka percaya bahawa Islam menggalakkan berdikari dan kefahaman itu menjadi pemacu tindakan mereka.

I5 menegaskan:

*“Saya tahu Allah suka orang usaha. Kita doa, tapi lepas tu kena buat kerja. Saya tak mahu anak saya rasa susah macam saya.”*

Namun, I1, I2 dan I3 menunjukkan sikap yang lebih pasif sama ada kerana tiada keyakinan diri, beban keluarga, kesihatan atau ketakutan untuk mencuba sesuatu yang baru. I3 menyatakan:

*“Saya dah tua. Nak meniaga pun takut. Tak tahu nak mula dari mana.”*

Ketiadaan rangsangan luaran dan bimbingan menyebabkan mereka kekal dalam keadaan bergantung kepada bantuan (B Hj Suhaimi et al., 2021). Sikap pasrah ini walaupun didasari reda terhadap ujian, menimbulkan persoalan tentang penghayatan sebenar terhadap konsep *tawakal* dan *usaha* dalam Islam (Sajidah, 2022). Dapatan ini menekankan perlunya pendidikan agama yang membina keyakinan dan memberikan hala tuju ke arah tindakan, bukan hanya bersifat spiritual. Perbincangan ini menunjukkan bahawa sikap pasrah yang lahir daripada kefahaman agama yang terhad boleh menghalang potensi perubahan. Sebaliknya, apabila individu memahami bahawa Islam menyeru kepada perubahan melalui usaha, mereka lebih cenderung untuk mengambil tindakan meskipun berhadapan kekangan.

Sikap informan terhadap perubahan hidup dipengaruhi secara langsung oleh kefahaman mereka terhadap ajaran agama. Bagi informan yang memahami Islam secara menyeluruh, mereka

melihat usaha keluar daripada kemiskinan sebagai satu tuntutan agama dan amanah kepada diri dan keluarga (Adilla, 2023; Cantika, 2013; Dalimunthe, 2022). Mereka berusaha sedaya upaya untuk bekerja walaupun dalam keadaan fizikal dan ekonomi yang sukar. Mereka juga menyatakan keinginan untuk menyertai program kemahiran jika diberi peluang dan tidak malu untuk menerima nasihat atau bantuan membina perniagaan kecil-kecilan. Sebaliknya, informan yang memahami agama secara sempit lebih cenderung untuk bersikap pasrah dan menyerahkan nasib kepada takdir. Mereka percaya bahawa apa yang berlaku adalah kehendak Allah dan perlu diterima tanpa banyak soal. Ini menyebabkan mereka tidak mengambil langkah aktif untuk keluar daripada kemiskinan. Perkara ini amat membimbangkan kerana ia menunjukkan bahawa pemahaman agama yang tidak seimbang boleh melemahkan semangat perubahan dan mengekalkan kebergantungan kepada bantuan.

Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa agama Islam sebenarnya menggalakkan perubahan yang berpaksikan usaha dan tanggungjawab. Konsep *tawakal* dalam Islam bukanlah alasan untuk berdiam diri sebaliknya ia datang selepas segala usaha dilakukan. Oleh itu, pemahaman yang tepat terhadap ajaran agama mampu mendorong perubahan sikap dan tindakan. Pendidikan agama yang holistik dan kontekstual perlu diberi penekanan dalam kalangan golongan miskin bukan sahaja dalam bentuk ceramah atau kuliah tetapi melalui pendekatan yang membina keyakinan diri, semangat berdikari dan aspirasi jangka panjang. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengukuhkan dapatan kajian-kajian terdahulu bahawa kemiskinan dalam kalangan masyarakat Islam bukan hanya isu material tetapi berkait rapat dengan sistem nilai, kepercayaan dan pandangan hidup yang terbentuk hasil daripada pengalaman sosial serta cara memahami agama. Justeru, pendekatan penyelesaian perlu bergerak daripada bantuan bersifat kebajikan semata-mata kepada intervensi yang memfokuskan kepada pendidikan agama yang bersifat pembangunan.

### Implikasi Kajian

Kajian ini menunjukkan bahawa kefahaman agama memberi kesan langsung terhadap sikap dan tindakan individu dalam menghadapi kemiskinan. Kefahaman yang holistik mendorong kepada usaha dan perubahan, manakala kefahaman yang sempit menyebabkan kebergantungan dan sikap pasrah. Bagi memastikan ajaran agama benar-benar berperanan dalam pembangunan komuniti miskin, pendidikan agama perlu diberi pendekatan baharu yang menekankan aspek pemerkasaan diri, kerja keras dan pengurusan harta. Institusi agama, pihak kerajaan dan agensi bantuan harus berganding bahu untuk menyediakan program latihan dan bimbingan yang bersifat praktikal dan kontekstual. Impak jangka panjangnya bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan kepada bantuan, malah membina komuniti yang lebih berdikari dan seimbang dari sudut spiritual dan ekonomi. Kajian masa depan boleh meneliti keberkesanan program berasaskan kefahaman agama dalam mengubah sikap dan taraf hidup masyarakat miskin secara berterusan.

### Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa kefahaman terhadap ajaran agama memainkan peranan penting dalam membentuk sikap golongan fakir miskin terhadap pekerjaan dan pemilikan harta. Walaupun semua informan berpegang kepada nilai-nilai Islam, tidak semua memahami ajaran tersebut secara menyeluruh sehingga mampu mendorong mereka untuk berubah. Faktor kemiskinan yang dikenalpasti bukan sahaja berkait dengan kekangan ekonomi, tetapi turut melibatkan kelemahan dari segi pendidikan, akses peluang, dan kepercayaan sendiri. Sikap pasrah yang lahir daripada kefahaman agama yang sempit menyumbang kepada kitaran kemiskinan yang berpanjangan. Oleh itu, pembinaan kefahaman agama yang bersifat

membangunkan adalah kunci dalam usaha memperkasa komuniti miskin Muslim. Islam bukan sahaja menyeru kepada sabar dan reda, tetapi juga menuntut usaha, pemilikan dan tanggungjawab ekonomi. Kajian ini menegaskan perlunya pendekatan yang lebih menyeluruh dalam menangani kemiskinan — bukan hanya melalui bantuan kewangan, tetapi melalui pendidikan agama yang mendorong perubahan sikap, usaha dan daya tahan hidup.

### Penghargaan

1. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) atas sokongan berterusan dan maklum balas membina yang telah banyak membantu dalam perkembangan kajian ini.
2. Terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Mohamad Shahrudin atas bimbingan yang amat bernilai serta sokongan padu sepanjang perjalanan kajian ini. Kepakaran dan pandangan beliau telah memainkan peranan penting dalam membentuk kajian saya dan menangani pelbagai cabaran yang dihadapi.
3. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam atas sokongan kewangan dan penajaan yang telah membolehkan saya melanjutkan pengajian ini.

## Rujukan

- Adilla, M. S. (2023). Solusi Islam dalam Pengentasan Kemiskinan menurut Yusuf Qardhawi. *El-Mujtama: Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 4(2), 1180–1190. <https://doi.org/10.47467/elmujtama.v4i2.4991>
- Andina, W., & Wahyudi, A. (2024). Upaya pengentasan kemiskinan dalam mewujudkan kesejahteraan sosial islami. *Jes.Stie-Sak.Ac.Id*, 12(01), 339–350. <https://doi.org/10.37366/jespb.v9i01.1066>
- B Hj Suhaimi, M. F., Don, A. G., & Puteh, A. (2021). Program Latihan Dalam Membangunkan Asnaf Di Selangor. *AZKA Interna Tional Journal of Zakat & Social Finance*, 2(2), 199–216. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol2no2.66>
- Cantika, S. B. (2013). STRATEGI PENGENTASAN KEMISKINAN DALAM PERSPEKTIF ISLAM. *Jurnal Penelitian Dan Pemikiran Ekonomika-Bisnis*, 3(2), 1–14. <https://doi.org/https://doi.org/10.22219/jibe.v4i2.2249>
- Cihwanul Kirom. (18 C.E.). Etos Kerja Dalam Islam. *Journal of Sharia Economic Law*, 1(1). <https://doi.org/10.21043/tawazun.v1i1.4697>
- Dalimunthe, M. (2022). Mengatasi Kemiskinan dalam Islam (Kajian Al-Quran dan Al-Hadis). *Journal of Islamic Law El Madani*, 1(1). <https://doi.org/10.55438/jile.v1i1.8>
- Fikri, R., Rahman, K., Nor, W., Binti, A., & Ismail, T. (2025). *Penguatan Rural Community Melalui Proses Kolaboratif Dalam Pengentasan Kemiskinan Di Negara Bagian Terengganu Darul Iman*, . April, 8–16.
- Johannes, I. (2020). Journal of Economics and. *Journal of Economics and Social Research*, 21(1), 65–75. <https://jurnal.uhn.ac.id/index.php/ekonomibisnis/article/view/48/70>
- Lestari, W. I. (2022). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kemiskinan Per Provinsi Di Indonesia Dalam Perspektif Islam. *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 8(3), 3136. <https://doi.org/10.29040/jiei.v8i3.6208>
- Muhamad Zulfadli, A. R., Mohammad Taqiuddin, M., Muhammad Shamshinor, A. A., & Ahmad Salahuddin, M. A. (2025). Multidimensional Poverty Practices In Islamic Poverty Concept: Analysis According To Al-Quran And Hadith Perspectives. *Jurnal Syariah*, 33(1), 83–127.
- Namjoshi, J., & Rawat, M. (2022). Role of smart manufacturing in industry 4.0. *Materials Today: Proceedings*, 63, 475–478. <https://doi.org/10.1016/j.matpr.2022.03.620>
- Sajidah, K. (2022). Hubungan Tawakal dan Ikhtiar dalam Kehidupan Bermasyarakat Perspektif Hadis: Studi Takhrij dan Syarah Hadis. *Gunung Djati Conference Series*, 16, 146–155.
- Wahab, M. A. (2022). *ISLAM AS FEDERAL RELIGION IN TRADITIONAL ELEMENTS OF March*. <https://doi.org/10.55573/JISED.074410>
- Yahya, M. S. S., Farahein, N., & Samat, N. (2019). Using of Factor Analysis to Determine of Impact on Household Poverty in Northern Region Peninsular Malaysia. *J. Soc. Sci. Humanit*, September.
- Zul Azimi. (2024). Motivasi Dalam Islam. *Jurnal Tahqiqqa*, 18(1), 61–69. <https://doi.org/10.61393/tahqiqqa.v18i1.209>